

Dr M setuju bela hak Saddam

BH - 18/6/2005

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau bersetuju menyertai kumpulan yang dilantik membela hak Saddam Hussein, bagi membantu memastikan bekas Presiden Iraq itu mendapat perbicaraan adil dan mengikut lunas undang-undang.

Bekas Perdana Menteri berkata, dalam kes Saddam Hussein, tumpuan hanya untuk memastikan apa juga yang mereka lakukan mengikut undang-undang dan sama ada perbicaraan itu sah dari segi undang-undang atau tidak.

"Sama ada beliau bersalah atau tidak, bukan urusan saya," katanya pada sidang media di sini mengenai pemilihan beliau sebagai anggota kumpulan itu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Darurat bagi Iraq, di sini, semalam.

Jawatankuasa berkenaan turut dianggotai Peguam Negara Amerika Syarikat, Ramsey Clarke dan dua lagi ahli politik berwibawa antarabangsa iaitu bekas Menteri Luar Perancis, Ronald Dumas dan



Presiden Algeria, Ahmed Ben Bella.

Dr Mahathir berkata, beliau berminat menyertai kumpulan itu kerana fungsi utamanya ialah memastikan sama ada Tribunal Khas Iraq yang akan membicarakan

Mesti ada mahkamah yang ditubuhkan mengikut undang-undang untuk membicarakan Saddam secara sah.

Tun Dr Mahathir Mohamad

sah," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau bersetuju memberikan kerjasama selepas berbincang dengan panjang lebar mengenai usaha memastikan perbicaraan adil bagi Saddam, dengan Clarke di Amman, Jordan, baru-baru ini.

Mengenai bentuk tindakan yang akan diambil Jawatankuasa Darurat itu bagi memastikan perbicaraan adil bagi Saddam, Dr Mahathir berkata, pengamal undang-undang percaya Saddam mesti diberikan akses kepada peguamnya.

"Setakat ini, tiada bukti menunjukkan beliau dibenarkan berjumpa dengan peguamnya, malah beliau sudah disoal siasat untuk faedah kumpulan tertentu yang melanggar undang-undang," katanya.

Dr Mahathir berkata, pentadbiran Presiden Amerika, George W Bush sengaja menafikan hak Saddam dan pegawai lain untuk mendapatkan khidmat peguam pilihan mereka, lawatan keluarga, atau sebarang akses kepada maklumat. - Bernama

kan Saddam adalah mahkamah yang ditubuhkan mengikut undang-undang.

"Mesti ada mahkamah yang ditubuhkan mengikut undang-undang untuk membicarakan beliau (Saddam) secara